

Headline	Pembangunan aplikasi menggunakan data satelit		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Dec 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Mega	Page No	24
ArticleSize	272 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,275		



Pembangunan aplikasi menggunakan data satelit

MENGUNAKAN kelebihan mempunyai stesen penerimaan data satelit sendiri, Uniten di bawah hab multidisiplin *The Energy Sphere* akan membangunkan aplikasi, produk serta sistem sendiri.

Selain itu, projek berkenaan juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkenaan perubahan iklim, pengurusan mitigasi bencana serta pemantauan guna tanah untuk diguna pakai dalam sektor industri, kerajaan mahupun pendidikan.

Ketua Penyelidikanya, **Prof. Datuk Ir. Dr. Norashidah Md. Din** yang juga Dekan Kolej Pengajian Siswazah, Uniten berkata, pembangunan ini berdasarkan realiti maya,

teknologi spasial satelit, dan analitik data spasial berdasarkan data dari satelit-satelit Terra, Aqua, NPP- Suomi dan JPSS-1.

"Dengan kelebihan mempunyai data sendiri, fokus penyelidik kini beralih daripada aktiviti pembangunan infrastruktur kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan aplikasi.

"Aplikasi yang akan dibangunkan nanti pastinya dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dalam memantau perubahan bumi dengan lebih baik dan cekap bagi mengelakkan bencana



ROHAYU CHE OMAR

yang tidak diingini," jelasnya.

Tambah beliau, pihaknya juga berharap untuk menjalinkan kerjasama penyelidikan bagi membangunkan aplikasi daripada pangkalan data mereka dengan pihak yang berminat dari dalam atau luar negara.

Sementara itu Pengarah IEI Uniten, **Prof. Madya Dr. Rohayu Che Omar** berkata, projek bernilai RM5 juta tersebut bermula daripada penglibatan penyelidik-penyelidik Uniten dalam kajian penyelidikan di bawah

geran penyelidikan Sains dan Teknologi Jepun-Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JST-JICA) menerusi program Strategi Perkongsian Penyelidikan Sains dan Teknologi (SATREPS) yang bermula pada 2010 dan tamat pada 2015.

Ia seterusnya akan memanfaatkan masyarakat secara umumnya melalui pengurusan dan ramalan bencana yang lebih cepat dan mantap.

Oleh itu katanya, pembangunan aplikasi itu nanti akan digunakan sebagai alat untuk memberikan pendidikan kepada generasi muda terutama pelajar untuk memberikan pendedahan yang lebih mendalam mengenai ilmu

angkasa.

"Sekarang kita masih kekurangan pakar untuk memajukan teknologi angkasa ke peringkat yang lebih tinggi dan mengembangkan sains teknologi di negara ini.

"Melalui pembangunan stesen ini kita juga akan memberikan kursus dan kerjasama berkaitan teknologi satelit kepada pelajar sekolah dan universiti untuk melahirkan generasi pelapis," ujarnya.

Menurutnya lagi, antara usaha lain yang akan dijalankan ialah menghasilkan penulisan buku-buku atau laporan-laporan berkaitan teknologi angkasa serta pembangunan aplikasi yang berteraskan pendidikan dan umum.